

**KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 22 JANUARI 2015 (KHAMIS)**

Bil	Tajuk	Akhbar
1	Perlu permudahkan teknologi nuklear di kalangan rakyat Malaysia - MOSTI	Bernama.com
2	Penjimatan lebih ketat hadapi cabaran ekonomi	Berita Harian

**BERITA ONLINE
BERNAMA.COM**
TARIKH: 22 JANUARI 2015 (KHAMIS)



Perlu Permudahkan Teknologi Nuklear Di Kalangan Rakyat Malaysia - MOSTI

PUTRAJAYA, 21 Jan (Bernama) -- Pendidikan perlu dijalankan tentang perlunya mempermudahkan teknologi nuklear di kalangan rakyat Malaysia kerana ia mempunyai banyak kelebihan jika digunakan secara bijak dan tidak membawa kesan negatif seperti yang sering ditimbulkan.

Ketua Setiausaha Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) Datuk Seri Dr Noorul Ainur Mohd Nur berkata tenaga nuklear mempunyai banyak kelebihan termasuk dalam aspek kesihatan dan rawatan perubatan.

"Sebagai contoh ialah rawatan untuk kanser atau penyakit serius yang lain amat bergantung kepada pembangunan dan kemajuan dalam teknologi nuklear.

"Dalam sektor pertanian, teknologi nuklear boleh membantu meningkatkan kualiti produk bukan sahaja untuk pasaran tempatan tetapi juga untuk eksport," kata beliau dalam ucapan pembukaan pada ceramah eksekutif "Atoms for Peace: Nuklear Technology in the 21st Century" oleh ketua pengarah Agensi Tenaga Atom Antarabangsa (IAEA) Yukiya Amano, di sini hari ini.

Noorul Ainur berkata MOSTI kini di peringkat akhir menggubal Rang Undang-undang Tenaga Atom disemak semula yang akan dibentangkan di Parlimen dalam masa terdekat.

Beliau berkata rang undang-undang itu merangkumi aspek "3S" iaitu Keselamatan, Sekuriti dan Perlindungan bertujuan menyediakan pendekatan holistik bagi pengurusan dan kawalselia tenaga nuklear.

Noorul Ainur berkata di bawah Program Transformasi Ekonomi Malaysia (ETP), menggunakan tenaga nuklear bagi penjanaan elektrik ialah satu daripada projek permulaan di bawah sektor minyak, gas dan tenaga.

"Kerajaan sedang mengkaji kemungkinan menggunakan tenaga nuklear untuk memenuhi permintaan yang semakin meningkat bagi tenaga dan mempelbagaikan campuran tenaga bagi Malaysia," kata beliau.

Sementara itu, Amano berkata dalam keselamatan nuklear, Malaysia telah maju membangunkan sistem untuk memastikan bahawa bahan nuklear dan radioaktif lain dikawal ketat untuk mencegah kecurian atau penyalahgunaan.

"Malaysia juga berkongsi kepakaran dalam keselamatan nuklear dengan negara-negara lain di rantau ini," katanya.

Menurut Amano, Malaysia telah menjadi Negara Anggota IAEA sejak 1969 dan merupakan rakan penting dalam pelbagai bidang aktiviti agensi itu seperti menghalang percambahan senjata nuklear.

"Bagi kebanyakan negara membangun, ia adalah bahagian paling penting," kata beliau.

Amano berkata Malaysia ialah antara negara yang bekerjasama dengan IAEA menggunakan teknik steril serangga terhadap nyamuk yang membawa penyakit malaria dan demam denggi.

-- BERNAMA

PENJIMATAN

LEBIH KETAT HADAPI CABARAN EKONOMI

» Kerajaan siap sedia strategi jika harga minyak global terus merudum

Oleh Che Wan Badrul Alias
chewan@bh.com.my

Kerajaan bersedia melaksanakan langkah penjimatan lebih ketat sebagai strategi berdepan persekitaran ekonomi yang lebih buruk, jika harga minyak global terus menjunjam ke bawah paras AS\$40 (RM144) satu tong.

Ketua Setiausaha Perbendaharaan, Tan Sri Dr Mohd Irwan Siregar Abdullah, berkata penyesuaian Bajet 2015 berdasarkan andaian harga minyak dunia sekitar AS\$55 satu tong adalah munasabah dan masih dalam lingkungan AS\$40 hingga AS\$70 (RM252) satu tong yang diunjurkan penganalisis.

Namun, katanya, kerajaan akan terus memantau rapat perkembangan harga minyak mentah dunia dan bersedia mengumumkan langkah baharu, jika

harga bahan bakar itu terus jatuh pada masa depan.

"Kerajaan sudah ada langkah itu dan kita rasa kalau keadaan bertambah buruk serta harga minyak dunia terus jatuh, maka kita akan umumkan langkah berkenaan."

Langkah memaparkan ekonomi

"Kita akan cari jalan untuk membuat penjimatan dan langkah memaparkan pertumbuhan ekonomi, namun ia tidak akan menjejaskan penyampaian perkhidmatan dan pertumbuhan ekonomi negara," katanya mengulas berhubung lebihan akaun semasa negara akan kekal positif sehingga harga minyak mentah mencecah AS\$40 satu tong.

Beliau ditemui selepas pelancaran University Start-Up Conference Malaysia 2015 (USTART2015) di Kuala Lumpur, semalam.

Yang turut hadir, Naib Canselor Universiti Malaya (UM), Profesor Datuk Dr Mohd Amin Jalaludin; Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) SME Corporation Malaysia, Datuk Hafsa Hashim; CEO Malaysian Biotechnology Corporation, Datuk Dr Mohd Nazlee Kamal serta Pengajar UStart 2015 yang juga Pengarah Pusat Inovasi dan Pengkomersialan UM (UMCIC), Profesor Rofina Yasmin Othman.

Sementara itu, Hafsa berkata, penekanan terbaru Bajet 2015 dalam pembangunan perusahaan kecil dan sederhana (PKS) negara adalah sangat bertepatan dengan langkah proaktif kerajaan melonjakkan sumbangan sektor itu kepada pertumbuhan ekonomi negara.

● Bisnes B2



“Kita akan cari jalan untuk membuat penjimatan dan langkah memaparkan pertumbuhan ekonomi, namun ia tidak akan menjejaskan penyampaian perkhidmatan dan pertumbuhan ekonomi negara”

Mohd Irwan Siregar Abdullah,
Ketua Setiausaha Perbendaharaan

Wujud lebih banyak syarikat pemula

● Dari muka B1

Katanya, antara inti pati ditekankan termasuk memperkenalkan program eksport untuk PKS baharu, SME-Go; mempromosi secara aktif perkhidmatan gantian import bagi mengurangkan kebergantungan kepada sumber luar dan pelbagai program menggalakkan lagi pembabitan PKS dalam pembangunan ekonomi negara.

"Pertumbuhan PKS kini adalah 33.7 peratus dan kami ingin meningkatkan kepada 41 peratus, menerusi sasaran mewujudkan lebih banyak syarikat pemula dengan tambahan 10 peratus setiap tahun berbanding enam peratus kini," katanya.

Persidangan dua hari itu menjadi platform pertemuan penyelidik universiti untuk membangunkan perniagaan, memaparkan teknologi syarikat pemula, perbincangan panel berhubung pertukaran teknologi, akses kepada pembiayaan dan pelaburan, serta padanan perniagaan.